

KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

PELAN STRATEGIK KPKT 2026-2030

MENGUNGGULI KECEMERLANGAN,
MEMBUDAYA INOVASI, MENYEJAHTERA RAKYAT

**PELAN
STRATEGIK
KPKT**

2026-2030

MENGUNGGULI KECEMERLANGAN,
MEMBUDAYA INOVASI, MENYEJAHTERA RAKYAT



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PELAN STRATEGIK KPKT 2026-2030
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Hak Cipta Terpelihara © 2026

ISSN 6299987

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Diterbitkan oleh:

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100, Putrajaya, Malaysia
No. Telefon : 603-8000 8000
No. Faksimili : 603-8891 3182

Laman sesawang: <https://www.kpkt.gov.my/>

Rekabentuk dan cetakan oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.
No.8 Jalan Perindustrian PP4
Taman Perindustrian Putra Permai
Bandar Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

Perutusan Pengurusan Tertinggi	1	Dasar dan Pelan Induk	15
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perutusan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ▶ Sekapur Sirih YB Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ▶ Prakata Ketua Setiausaha 		Analisa Persekitaran	17
Ringkasan Eksekutif	4	Pelan Strategik KPKT 2026 – 2030	20
Maklumat Korporat	7	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Isu dan Cabaran ▶ Hala Tuju Strategik ▶ Objektif Pelan Strategik ▶ Kerangka Pelan Strategik ▶ Pelan Tindakan 	21 25 26 27 29
Akta dan Perundangan	13	Rumusan	57
		Glosari	59

PERUTUSAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Ketegangan geopolitik dunia ketika ini menuntut kita berfikir secara global dalam merangka pelan pembangunan nasional. *If you fail to plan, you are planning to fail.* Realiti semasa memerlukan kesediaan, ketangkasan dan visi yang tajam bagi mendepani ketidaktentuan masa hadapan yang semakin mencabar.

Sehubungan itu, pelan ini dirangka secara menyeluruh bagi memastikan negara kekal kompetitif di peringkat antarabangsa dengan hala tuju yang jelas. Usaha ini selari dengan mandat besar Malaysia selaku Pengerusi Perhimpunan UN-Habitat (2025–2027), sekali gus mencerminkan kepercayaan komuniti antarabangsa terhadap keupayaan kita menerajui agenda perbandaran yang inklusif, mampan dan berdaya tahan.

Kerangka ini merupakan manifestasi komitmen kita dalam memacu kesejahteraan rakyat di peringkat domestik dan seterusnya memperkukuh kedudukan Malaysia di persada dunia. Saya berharap agar perancangan strategik ini dapat disusuli dengan pelaksanaan yang berkesan supaya setiap visi dapat diterjemahkan kepada realiti yang ternyata.

YB TUAN NGA KOR MING



SEKAPUR SIRIH TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Pelan strategik menjadi panduan utama bagi memastikan Kementerian dan agensi bergerak seiring dengan agenda nasional. Ia menyediakan mekanisme pemantauan yang sistematik, memperkukuh akauntabiliti serta meningkatkan ketelusan dalam pelaksanaan dasar. Berpandukan pelan strategik yang mantap, Kerajaan mampu mendepani cabaran, menyesuaikan dasar mengikut perubahan semasa dan menjamin pembangunan negara yang mampan serta inklusif.



**YB DATUK HAJAH AIMAN
ATHIRAH BINTI SABU**

PRAKATA KETUA SETIAUSAHA

Pelan Strategik KPKT 2026-2030 digariskan sebagai kompas utama yang memacu Kementerian ke arah pembangunan perumahan inklusif, bandar pintar dan lestari serta pengurusan sisa yang berkesan, dengan asas tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti. Ia menekankan penyediaan kediaman mampu milik untuk rakyat, memperkukuh kelestarian alam sekitar melalui ekonomi kitaran serta membina komuniti yang sejahtera dan berdaya tahan. Dengan disiplin perancangan yang mantap, pelan ini memastikan setiap tindakan organisasi selaras dengan garis panduan nasional, mengoptimumkan penggunaan sumber dan menutup ruang kelemahan pentadbiran. Hala tuju ini bukan sahaja menjamin kelancaran tadbir urus, tetapi juga memperkukuh integriti pentadbiran, demi mencapai pembangunan negara yang mampan, telus dan berkesinambungan.



**DATUK WIRA DR. M NOOR
AZMAN BIN TAIB**

RINGKASAN EKSEKUTIF



Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2026-2030 digubal sebagai dokumen hala tuju yang menyeluruh bagi memperkukuh peranan kementerian dalam mendukung aspirasi Malaysia MADANI. Ia berfungsi sebagai mekanisme penterjemahan dasar nasional kepada pelaksanaan sektoral yang lebih berfokus, dengan penekanan terhadap reformasi institusi, tadbir urus berakauntabiliti serta penciptaan hasil yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Kerangka pelan ini merangkumi lima (5) teras strategik, 24 strategi, 142 inisiatif, 44 petunjuk prestasi dan tujuh (7) petunjuk prestasi utama yang dirangka secara sistematik dan berasaskan data untuk memastikan hala tuju dan keutamaan kementerian yang jelas serta jangka masa pelaksanaan yang bertepatan dan terukur. Penetapan indikator prestasi yang bersifat strategik dan kuantitatif menjadi instrumen pemantauan berterusan, sekali gus menjamin keberhasilan kementerian dapat dinilai secara objektif dan konsisten.

Pelaksanaan program berimpak tinggi akan dilaksanakan secara berfasa mengikut garis masa yang ditetapkan, dengan penekanan kepada aspek perumahan berdaya huni, kesejahteraan komuniti, pembangunan bandar mampan, keterangkuman sosial dan kecekapan pentadbiran. Penjajaran antara Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan Agenda Pembangunan Negara dijangka menghasilkan kesan berganda terhadap kesejahteraan rakyat dan kelestarian bandar.

Pelan Strategik KPKT 2026-2030 merupakan dokumen komprehensif yang memacu transformasi sektor perumahan dan pembangunan bandar. Ia menjadi instrumen penting dalam memastikan setiap dasar diterjemahkan kepada tindakan yang nyata, setiap tindakan membawa hasil yang berkesan dan setiap hasil mengangkat martabat rakyat serta memperkukuh Malaysia sebagai negara yang maju, inklusif dan mampan.

MAKLUMAT KORPORAT



SEJARAH PENUBUHAN DAN EVOLUSI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

24 Mei 1964

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Pada awal penubuhannya, Kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Fungsi utama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah dipecahkan kepada dua iaitu fungsi perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan fungsi kerajaan tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

1971 sehingga 1978

18 Julai 1978

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fungsi perumahan dan kerajaan tempatan telah digabungkan semula melalui penubuhan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar

Susulan Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU-13), Kementerian telah disusun semula dan dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana peranan dan fungsi Kementerian turut melibatkan agenda peningkatan kualiti hidup komuniti bandar.

15 Mei 2013

21 Mei 2018

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Selepas Pilihanraya Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Kementerian ini distruktur semula dan dikenali sebagai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Susulan Pilihanraya Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nama Kementerian telah dijenamakan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.


2 Disember 2022

12 Disember 2023

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah memutuskan nama Kementerian ini dipinda kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diwartakan secara rasmi di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969.

VISI



Peneraju pembangunan bandar mampan, selamat dan inklusif ke arah komuniti bandar yang sejahtera

MOTO



"Pembangunan Lestari, Kehidupan Berkualiti"

MISI



Merealisasikan agenda pembangunan bandar mampan, selamat dan inklusif melalui perumahan berdaya huni dan mampu milik, tadbir urus kerajaan tempatan yang cekap dan berintegriti, persekitaran bandar yang bersih dan hijau, pengurusan sisa yang moden dan berteknologi tinggi, pemerkasaan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan serta perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang responsif.

BIDANG FOKUS KPKT

Penyediaan kediaman berkualiti dan mampu milik.



Pembangunan bandar yang terancang, kalis bencana dan inklusif.



Pembangunan dan pemerkasaan Kerajaan Tempatan.



Pengukuhan kesiapsiagaan kebombaaran dan penyelamatan yang responsif dan cekap.



Pengurusan sisa pepejal yang moden dan mampan.




Pengurusan dan penyediaan landskap pintar dan hijau.



Pemerkasaan kesejahteraan komuniti tanpa mengira kaum.



CARTA ORGANISASI



■ Badan Berkanun
■ Persekutuan/Terasing
■ Syarikat Berkaitan
■ Kerajaan

AKTA DAN PERUNDANGAN



AKTA	Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]
AKTA	Tuan Rumah Inapan 1952 [Akta 248]
AKTA	Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]
AKTA	Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81]
AKTA	Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
AKTA	Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
AKTA	Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]
AKTA	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]
AKTA	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673]
AKTA	Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]
AKTA	Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012 [Akta 739]
AKTA	Pemberian Kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1981 [Akta 245]
AKTA	Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]
AKTA	Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
AKTA	Perancang Bandar 1995 [Akta 538]

DASAR DAN PELAN INDUK



DASAR DAN PELAN INDUK

Dasar Perumahan Negara 3.0
(2026-2036)

Dasar Perbandaran Negara Ketiga
(2026-2035)

Rancangan Fizikal Negara Kelima
(2026-2030)

Pelan Induk (Blueprint) Bandar
Pintar Negara (2026-2040)

Dasar Perancangan Fizikal Desa
Negara (2017-2030)

Dasar Komuniti Negara
(2019-2030)

Dasar Kebersihan Negara
(2020-2030)

Dasar Kebombaan dan
Penyelamatan Negara
(2021-2030)

Rangka Kerja Pemerkasaan PBT
(2022-2030)

Dasar Landskap Negara 2.0
(2025-2035)

Dasar Keselamatan Siber 2.0
KPKT

ANALISA PERSEKITARAN



ANALISA PERSEKITARAN

Trend mega yang mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa hadapan merangkumi lima (5) aspek utama, iaitu perubahan penguasaan dan landskap blok ekonomi; ketidaktentuan geopolitik dunia; kemajuan teknologi dan digital masa hadapan; perubahan demografi berkaitan penuaan, migrasi dan polikrisis dan kualiti hidup; serta krisis kesihatan bumi termasuk biodiversiti, perubahan iklim dan tenaga boleh baharu. Semua faktor ini menuntut pendekatan strategik yang holistik dan bersepadu bagi memastikan kelestarian, kesejahteraan serta daya tahan masyarakat dan negara dalam menghadapi arus perubahan global yang semakin kompleks.

Perubahan dalam susunan blok ekonomi global menuntut negara untuk menilai semula strategi pembangunan serta menetapkan keutamaan baharu yang lebih selaras dengan realiti dan keperluan semasa. Reformasi menyeluruh perlu digerakkan bukan sahaja bagi memastikan negara mampu meraih peluang yang muncul daripada peralihan kuasa ekonomi dunia, tetapi juga untuk memperkukuh daya tahan dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks. Pendekatan ini akan membolehkan negara mengekalkan daya saing dan kedudukan kompetitif, memperkukuh kestabilan ekonomi serta memastikan kemakmuran jangka panjang yang mampan.

Ketidaktentuan geopolitik dunia yang berpunca daripada konflik bersenjata, dasar luar kuasa besar yang semakin agresif serta ketidakstabilan ekonomi global telah mencorakkan landskap antarabangsa yang penuh kerumitan; kesannya bukan sahaja menggugat keseimbangan politik dan keselamatan serantau, malah turut menekan pasaran komoditi melalui perubahan harga yang mendadak, sekali gus memaksa negara seperti Malaysia untuk menata semula strategi diplomasi, memperkukuh daya tahan ekonomi dan merangka dasar yang lebih luwes agar mampu menyesuaikan diri dengan arus perubahan global yang tidak menentu.

Pertumbuhan eksponen dalam **teknologi pengkomputeran** dan **transformasi digital** yang digerakkan oleh negara peneraju teknologi menuntut Malaysia melaksanakan tindakan segera dan berkesan melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Malaysia perlu beranjak daripada sekadar menjadi pengguna teknologi kepada pencipta dan penyedia teknologi termaju. Langkah ini bukan sahaja akan memperkukuh daya saing ekonomi negara, malah **menjamin kedaulatan** dan **keselamatan nasional** daripada pergantungan kepada kuasa luar. Dengan membina keupayaan teknologi sendiri, Malaysia mampu melahirkan inovasi tersendiri yang menyumbang kepada pembangunan industri strategik seperti kecerdasan buatan, bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui dan pertahanan siber. Keupayaan ini akan menjadikan negara lebih berdikari, berdaya tahan serta mampu berdiri setara dengan kuasa teknologi dunia.

Kesan berganda daripada **fenomena polikrisis** dan **perubahan demografi** berpotensi menjejaskan kesejahteraan kumpulan rentan secara lebih ketara, khususnya dalam aspek sosial, ekonomi dan akses kepada perkhidmatan asas. Justeru, persediaan awal yang bersifat menyeluruh amat diperlukan bagi memastikan negara mampu menangani implikasi perubahan ini dengan berkesan. Penyesuaian dasar yang proaktif, inklusif dan berdaya tahan akan menjadi teras utama dalam melindungi kepentingan kumpulan rentan, di samping memperkukuh struktur masyarakat agar lebih bersedia dan berdaya tahan dalam mendepani ketidaktentuan dan cabaran corak perubahan Malaysia yang kompleks pada masa hadapan.

Krisis kesihatan bumi yang kian meruncing bakal menjadi ancaman serius terhadap kelangsungan hidup generasi masa hadapan sekiranya pendekatan pertumbuhan hijau tidak segera dilaksanakan. Justeru, usaha bersepadu melalui inisiatif berimpak tinggi dalam memelihara dan memulihara alam sekitar perlu digandakan dengan lebih tegas dan konsisten. Langkah ini bukan sahaja penting untuk mengekalkan keseimbangan ekologi dan biodiversiti, malah menjadi asas kepada pembangunan mampan yang mampu menjamin kesejahteraan masyarakat serta daya tahan negara dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan keperluan tenaga masa depan.

Trend megamasa hadapan **menuntut perhatian segera** kerana ia melibatkan empat dimensi utama yang saling berkait: perubahan blok ekonomi global, pertumbuhan pesat teknologi digital, dinamika demografi yang kompleks serta krisis kesihatan bumi yang semakin meruncing. Kesemua faktor ini perlu dilihat sebagai cabaran, tetapi juga sebagai peluang besar yang perlu dimanfaatkan oleh negara dalam ekosistem global. Justeru, tindakan berani melalui reformasi menyeluruh, penyesuaian dasar yang inklusif serta pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi dan berteraskan pertumbuhan hijau dan pembangunan mampan mesti digerakkan secara serta-merta. **Pendekatan yang holistik, berpandangan jauh dan konsisten** akan memastikan daya tahan negara terus diperkukuh, kesejahteraan masyarakat terjamin dan kelestarian alam sekitar dipelihara demi menjamin masa depan yang gemilang.



PELAN STRATEGIK KPKT 2026-2030



ISU DAN CABARAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang berhadapan dengan pelbagai isu kritikal yang mencerminkan cabaran semasa dalam landskap pembangunan negara. Antara isu utama yang dikenal pasti termasuklah **kemampuan rakyat untuk memiliki kediaman yang selesa dan berkualiti, kepesatan urbanisasi yang menimbulkan ketidakseimbangan perbandaran** serta keperluan terhadap **pengurusan bandar yang lebih mampan dan berdaya tahan**. Selain itu, **jurang dalam penyampaian perkhidmatan awam** yang tidak menepati jangkaan masyarakat turut menuntut perhatian serius bagi memastikan keberkesanan sistem pentadbiran dan kesejahteraan komuniti.

Isu **perumahan** di Malaysia bukan sekadar persoalan memiliki sebuah kediaman, tetapi mencerminkan hakikat kesejahteraan hidup rakyat yang semakin terhimpit oleh realiti ekonomi semasa. Harga rumah yang melambung tinggi berbanding pendapatan isi rumah menjadikan impian untuk memiliki kediaman sendiri semakin jauh daripada genggam, lalu menimbulkan keresahan sosial yang nyata. Jurang antara dasar yang digubal dengan pelaksanaan di lapangan sering memperlihatkan kelemahan, khususnya apabila keperluan sebenar masyarakat tidak sepenuhnya diarusperdanakan dalam proses membuat keputusan. Dalam konteks perumahan, kelemahan ini memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan, sekali gus menjejaskan usaha untuk menjamin akses kepada kediaman mampu milik.

Ketidakselarasan antara visi dasar dan realiti di lapangan menuntut pendekatan yang lebih strategik, iaitu penyelarasan dasar berasaskan data yang sahih, penglibatan komuniti secara inklusif serta mekanisme penguatkuasaan yang telus dan berkesan. Dengan pendekatan menyeluruh dan bersepadu ini, isu perumahan dapat ditangani bukan sekadar sebagai masalah teknikal, tetapi sebagai agenda kesejahteraan nasional yang menjadi teras kepada kestabilan sosial dan pembangunan mampan negara.

Dalam konteks perumahan berstrata pula, masalah penyelenggaraan, kos pengurusan yang membebankan dan konflik antara pemilik bukan sahaja menjejaskan keharmonian komuniti, tetapi turut menimbulkan rasa tidak puas hati yang berpanjangan. Lebih merisaukan, masih terdapat projek perumahan yang gagal memenuhi standard asas, termasuk penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang sepatutnya menjadi hak setiap penghuni. Maka, isu perumahan ini tidak boleh dilihat semata-mata sebagai soal kemampuan memiliki rumah, tetapi harus difahami sebagai cabaran besar yang menyentuh kualiti hidup rakyat dan kelestarian bandar, sekali gus menuntut kebijaksanaan dalam merangka dasar serta keberanian dalam melaksanakan pembaharuan.

Bandar yang mampan bukan sekadar tentang bangunan moden atau jalan raya yang luas, tetapi bagaimana ia mampu menampung kehidupan harian penduduk dengan selesa dan selamat. Pertumbuhan bandar yang pesat dan tidak seimbang sering memberi tekanan kepada sistem pengangkutan, perumahan serta alam sekitar, menjadikan kehidupan di bandar semakin mencabar.

Dalam masa yang sama, bandar perlu lebih bersedia menghadapi bencana seperti banjir dan kebakaran dengan sistem perlindungan yang berkesan supaya masyarakat tidak terdedah kepada risiko besar. Pentadbiran kerajaan tempatan juga memainkan peranan penting, bukan sahaja untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan, tetapi juga bagi melibatkan masyarakat dalam proses membuat keputusan, agar pembangunan bandar benar-benar mencerminkan keperluan dan kesejahteraan penduduknya.

Dalam landskap kehidupan semasa, **perkhidmatan, penyelamatan, komuniti dan pengurusan sisa pepejal** menjadi nadi penting kepada kesejahteraan rakyat, namun berdepan cabaran yang semakin kompleks. Bencana alam dan kemanusiaan yang kian mencabar menuntut koordinasi yang lebih mantap antara agensi agar tindak balas dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan. Pada masa yang sama, jurang antara harapan rakyat terhadap perkhidmatan awam dengan realiti penyampaian menimbulkan rasa kecewa dan ketidakpuasan yang perlu ditangani dengan serius.

Kelestarian dalam pengurusan sisa pepejal masih belum berada pada tahap yang memuaskan, apabila usaha kitar semula, pengurangan sisa dan penerapan teknologi hijau belum menepati sasaran yang dihasratkan. Kekangan ini bukan sahaja melemahkan keberkesanan sistem pengurusan sisa, malah turut menghambat pencapaian matlamat pembangunan mampan yang menjadi teras aspirasi negara. Lebih daripada itu, keterangkuman sosial perlu menjadi teras, memastikan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang mendapat akses kepada perkhidmatan asas yang adil dan menyeluruh. Cabaran ini menuntut bukan sahaja dasar yang bijaksana, tetapi juga komitmen bersama untuk membina masyarakat yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari.

Penjenamaan dan pengantarabangsaan merupakan cerminan keupayaan negara untuk berdiri setara di pentas global. Tahap keterlihatan dan daya saing Malaysia perlu diperkukuh melalui pembangunan bandar yang moden, berdaya tahan serta perkhidmatan awam yang efisien, kerana inilah imej yang akan dinilai oleh dunia. Lebih membimbangkan, kekangan sumber dan kepakaran terus menjadi hambatan besar. Kekurangan tenaga mahir dalam bidang perumahan, pengurusan bandar dan teknologi hijau menjejaskan keupayaan negara untuk bersaing secara berkesan di peringkat global.

Dalam hal ini, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa adalah keperluan mendesak yang tidak boleh dikompromi. Standard global dalam aspek perumahan, kelestarian bandar dan penyampaian perkhidmatan mesti dijadikan rujukan utama agar Malaysia bukan sahaja memenuhi tuntutan domestik, tetapi turut diiktiraf sebagai negara yang progresif dan bertanggungjawab di peringkat antarabangsa. Justeru, KPKT perlu mengangkat agenda penjenamaan ini sebagai strategi nasional yang menyeluruh, dengan menekankan integrasi kepakaran, inovasi teknologi dan tata kelola yang telus, demi memastikan Malaysia kekal relevan dan berdaya saing dalam arus globalisasi.

Manakala isu **modal insan** dan **pengurusan sumber** terus menjadi cabaran besar dalam memperkukuh keupayaan institusi serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem pentadbiran. Salah laku, rasuah dan ketidakcekapan yang masih berleluasa bukan sahaja menjejaskan integriti organisasi, tetapi turut melemahkan keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan dasar Kerajaan. Pada masa yang sama, tahap penerimgunaan teknologi dan pendigitalan yang rendah menghalang transformasi perkhidmatan awam ke arah lebih moden dan efisien, sekali gus mengekang potensi inovasi dalam pengurusan bandar dan perumahan.

Lebih membimbangkan, jurang kapasiti bakat dalam kalangan penjawat awam yang ketara, khususnya kekurangan modal insan berkemahiran tinggi dan berdaya saing, menjejaskan keupayaan negara untuk mencapai standard pentadbiran global. Pertindihan struktur, peranan dan tanggungjawab pula menambah lapisan birokrasi yang melambatkan pelaksanaan dasar, menyebabkan keberkesanan pentadbiran tidak mencapai tahap optimum. Justeru, isu modal insan dan pengurusan sumber ini menuntut pembaharuan menyeluruh yang berteraskan integriti, kecekapan, pendigitalan serta pembangunan bakat, agar sistem pentadbiran negara benar-benar mampu menyokong aspirasi pembangunan mampan dan inklusif.

KPKT berada pada kedudukan strategik yang kritikal dalam menentukan hala tuju pembangunan negara. Cabaran yang dihadapi merangkumi isu perumahan mampu milik yang semakin mendesak, kepesatan urbanisasi yang menuntut keseimbangan antara pertumbuhan dan kelestarian, serta keperluan pengurusan bandar yang lestari bagi menjamin kesejahteraan jangka panjang. Dalam masa yang sama, peningkatan kecekapan modal insan menjadi prasyarat penting untuk memperkukuh kapasiti pentadbiran dan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar.



HALA TUJU STRATEGIK

Pelan Strategik KPKT 2026-2030 digariskan sebagai dokumen hala tuju utama kementerian dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang cekap, inklusif dan mampan, sejajar dengan aspirasi pembangunan negara. Pelan ini menekankan pembinaan ekosistem perumahan dan perbandaran yang inklusif, selamat serta berdaya tahan, di samping mengurangkan jurang ketidaksamarataan sosial. Ia turut memberi penekanan kepada pengukuhan tata kelola dan institusi, penyampaian perkhidmatan yang responsif, tepat serta berpaksikan rakyat serta pembangunan modal insan yang berinovasi, beretika dan mampu menghadapi cabaran masa depan.

KPKT komited untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan, dengan tekad melaksanakan reformasi yang berteraskan pemikiran kreatif, inovatif dan adaptasi teknologi terkini. Keberhasilan pelan ini diukur bukan sahaja melalui peningkatan kecekapan pentadbiran, tetapi juga melalui kesejahteraan rakyat yang menjadi teras kepada agenda Malaysia MADANI. Dengan pendekatan menyeluruh, KPKT tekad untuk mengangkat peranannya sebagai pemacu utama pembangunan bandar dan komuniti, sekali gus memastikan Malaysia terus maju sebagai negara yang progresif, inklusif dan berdaya saing di peringkat global.



OBJEKTIF PELAN STRATEGIK



01

Menetapkan Hala Tuju dan Keutamaan Kementerian

Menyediakan rangka kerja strategik yang holistik dalam menetapkan hala tuju jelas untuk tempoh lima tahun (2026-2030) berlandaskan matlamat bersama dan aspirasi nasional.



02

Mengoptimalkan Sumber dan Keupayaan Organisasi

Memastikan perancangan sumber manusia, kewangan, teknologi dan aset kementerian disusun secara optimum bagi menyokong pelaksanaan strategi dan inisiatif utama yang ditetapkan.



03

Memperkukuh Keberkesanan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan

Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam sistem tadbir urus serta memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pihak berkepentingan lebih cekap, responsif dan berimpak tinggi.



04

Mengukur Kejayaan dan Keberhasilan Strategi Secara Berterusan

Mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi yang sistematik untuk menilai kemajuan pelaksanaan strategi serta membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksana berasaskan bukti dan data.

KERANGKA PELAN STRATEGIK

Pelan Strategik KPKT dibangunkan sebagai hala tuju komprehensif yang merangkumi **lima (5) teras strategik** iaitu mewujudkan ekosistem kondusif bagi penyediaan kediaman, memperkukuh perancangan, pembangunan dan tadbir urus bandar, memperkasa penyampaian dan pengurusan perkhidmatan, mempertingkatkan keterlihatan dan pengantarabangsaan serta memantapkan pembangunan modal insan dan pengurusan sumber. Setiap teras ini disokong oleh **24 strategi** dan diterjemahkan kepada **142 inisiatif** yang mana pencapaiannya diukur melalui **44 petunjuk prestasi** yang menilai aspek keberkesanan pelaksanaan. Kejayaan keseluruhan pelan strategik ini pula akan dipandu oleh **tujuh (7) petunjuk prestasi utama (KPI)** iaitu bilangan penyediaan rumah mampu milik, jumlah bandar yang berdaya huni, bilangan bandar yang mencapai *Smart City Early Adopter*, peratus sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, pencapaian *response time* bagi panggilan kecemasan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), bilangan peserta Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) yang berjaya meningkat/ menjana pendapatan dan jumlah sumbangan nilai eksport industri landskap kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara; menjadikan pelan ini sebagai peta hala tuju KPKT ke arah pembangunan bandar dan komuniti yang inklusif, lestari serta berdaya tahan.



TEMA:
MENGUNGGULI KECEMERLANGAN,
MEMBUDAYA INOVASI, MENYEJAHTERA RAKYAT

VISI

Peneraju pembangunan bandar mampan, selamat dan inklusif ke arah komuniti bandar yang sejahtera

MISI

Merealisasikan agenda pembangunan bandar mampan, selamat dan inklusif melalui perumahan berdaya huni dan mampu milik, tadbir urus kerajaan tempatan yang cekap dan berintegriti, persekitaran bandar yang bersih dan hijau, pengurusan sisa yang moden dan berteknologi tinggi, pemerkasaan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan serta perkhidmatan kebajikan dan penyelamatan yang responsif.

MOTO

Pembangunan Lestari, Kehidupan Berkualiti



TERAS STRATEGIK 1

► Mewujudkan ekosistem kondusif bagi penyediaan kediaman



TERAS STRATEGIK 2

► Memperkukuh perancangan, pembangunan dan tadbir urus bandar



TERAS STRATEGIK 3

► Memperkasa penyampaian dan pengurusan perkhidmatan



TERAS STRATEGIK 4

► Mempertingkatkan keterlihatan dan pengantarabangsaan



TERAS STRATEGIK 5

► Memantapkan pembangunan modal insan dan pengurusan sumber

STRATEGI

1. Memantapkan perancangan, tadbir urus dan pelaksanaan projek perumahan
2. Meningkatkan penyediaan perumahan berkualiti dan inklusif
3. Mempercepat penggunaan teknologi termaju pembinaan
4. Meneroka kepelbagaian kaedah pemilikan rumah

1. Menambahbaik perancangan dan tadbir urus pembangunan bandar
2. Memperkasa pembangunan bandar mampan
3. Meningkatkan daya tahan bandar
4. Mempertingkatkan pembangunan bandar pintar
5. Menyediakan infrastruktur bandar yang inklusif
6. Mempertingkatkan pembangunan landskap mampan

1. Memperkukuh perancangan, perundangan, penguatkuasaan dan tadbir urus
2. Memantapkan perkhidmatan penyelamatan dan pengurusan bencana
3. Memperkasa program kesejahteraan komuniti
4. Memperkukuh pelaksanaan pengurusan sisa
5. Menambahbaik pendigitalan perkhidmatan dan penggunaan teknologi termaju

1. Memperkukuh peranan dan keterlihatan organisasi
2. Mempertingkatkan akses dan penawaran produk serta perkhidmatan
3. Mempertingkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa
4. Memantapkan I-KPKT sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan

1. Memantapkan pembangunan bakat yang berdaya saing dan kalis cabaran
2. Memperkukuh integriti dan akauntabiliti
3. Mempertingkatkan daya inovasi dan kreativiti warga
4. Mempertingkatkan kesejahteraan warga Kementerian Jabatan/ Agensi
5. Menambahbaik pengurusan kewangan dan sumber

PELAN TINDAKAN

STRATEGI 1: Memantapkan Perancangan, Tadbir Urus dan Pelaksanaan Projek Perumahan		
INISIATIF	SASARAN	PELAKSANA
1. Projek Pembangunan Analitik dan Visualisasi Data Raya Kluster Perumahan (BDA Perumahan)	o 90% modul boleh diguna pakai menjelang 2030	BR
2. Penggubalan Akta Pemajuan Harta Tanah	o Pewartaan Akta pada 2027	BR
3. Penggubalan Akta Sewaan Kediaman (Residential Tenancy Act – RTA)	o Pewartaan Akta pada 2028	BR
4. Pindaan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]	o Pewartaan Akta menjelang 2030	BR
5. Penerokaan penubuhan konsortium perumahan bagi mengurus skim RTO	o Kajian kebolehlaksanaan penubuhan konsortium pengurusan perumahan RTO dilaksanakan menjelang 2027	BR
6. Pelaksanaan kolaborasi strategik bersama Kerajaan Negeri	o Pembangunan 6 projek PRR menjelang 2030	BR
7. Penyelesaian kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan kes Tribunal Pengurusan Strata (TPS)	o 95% penyelesaian kes TTPR dalam tempoh 100 hari bekerja menjelang 2030 o 90-95% penyelesaian kes TPS dalam tempoh 140 hari bekerja menjelang 2030	TPPS

STRATEGI 2: Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti dan Inklusif			
INISIATIF		SASARAN	PELAKSANA
1. Penyediaan perumahan awam dan Rumah Mampu Milik (RMM)	o	90% daripada sasaran RMM siap dibina setiap tahun	BR/ PRIMA & SPNB
2. Penyediaan Perumahan Inklusif MADANI (PIM)	o	1 Projek PIM bagi tempoh 3 tahun mulai 2027 hingga 2029	BR
3. Pelaksanaan Kajian Keselajaran Keperluan Perumahan Bumiputera	o	Laporan akhir kajian disediakan pada 2028	BR
4. Pelaksanaan Rumah Mesra Rakyat (RMR)	o	30,000 - 50,000 unit dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun	SPNB
5. Pelaksanaan Program Bina Baharu Rumah (PBBR)	o	480 unit rumah dilaksanakan menjelang 2030	BSK & JKT
6. Pembelian projek perumahan secara pukal	o	Pembelian 4 projek PRR secara pukal (<i>en bloc</i>) mulai 2026 hingga 2030	BR
7. Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai	o	4 projek dipulihkan setiap tahun	JPN

STRATEGI 3: Mempercepat Penggunaan Teknologi Termaju Pembinaan		
INISIATIF	SASARAN	PELAKSANA
1. Pelaksanaan <i>Building Information Modelling</i> (BIM) untuk Projek Program Residensi Rakyat (PRR)	o 80% penggunaan Model Pembinaan LOD 400 dalam projek PRR menjelang 2030	BPJ
2. Penyediaan infrastruktur, kelengkapan dan perisian BIM	o Perolehan infrastruktur, kelengkapan dan perisian BIM pada 2027	BPJ
3. Pelaksanaan kaedah sistem pembinaan secara modular/ <i>Industrialised Building System</i> (IBS) dan pemantauan secara automasi	o 40% pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) menggunakan IBS menjelang 2030	SPNB

STRATEGI 4: Meneroka Kepelbagaian Kaedah Pemilikan Rumah		
INISIATIF	SASARAN	PELAKSANA
1. Pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (House Ownership Campaign - HOC)	o 200,000 isi rumah menerima manfaat dalam tempoh 5 tahun	BR
2. Pelaksanaan model perkongsian ekuiti (shared ownership)	o 500 unit rumah menggunakan model perkongsian ekuiti mulai 2029 hingga 2030	PRIMA

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKUKUH PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN TADBIR URUS BANDAR

STRATEGI 1: Menambahbaik Perancangan dan Tadbir Urus Pembangunan Bandar			
INISIATIF		SASARAN	PELAKSANA
1.	Pengukuhan dan Peluasan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)	o Peluasan pemakaian Rancangan Fizikal Negara (RFN) di Sabah dan Sarawak menjelang 2030	PLANM
2.	Pemeriksaan Rancangan Wilayah	o 1 Kajian Rancangan Wilayah siap pada 2027	PLANM
3.	Pemeriksaan Rancangan Pemajuan dalam Mengurus dan Mengawal Pembangunan Guna Tanah	o 15 kajian dalam tempoh 5 tahun	PLANM
